

02 MAY 2002

Umno-Konvensyen

UMNO WILAYAH PERSEKUTUAN ANJUR KONVENSYEN MELAYU BANDAR

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Umno Wilayah Persekutuan akan menganjur satu konvensyen bagi mencari penyelesaian kepada permasalahan masyarakat Melayu di ibu kota, kata Pengerusi Badan Perhubungannya, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata konvensyen sehari itu diharap akan membuka lembaran baru kepada masyarakat Melayu bandar selaras dengan temanya +Mensejahterakan Melayu Bandar+.

Bercakap pada sidang media di sini hari ini, Tengku Adnan berkata antara isu yang akan dibincangkan ialah mengenai soal pendidikan, perniagaan, kemudahan asas, perumahan, masalah sosial, agama, remaja dan ibu tunggal.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno akan merasmikan konvensyen bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra pada 18 Mei ini.

Seramai 12 orang wakil beberapa pertubuhan bukan kerajaan dan 11 wakil Umno akan terlibat dalam membincangkan isu-isu itu, katanya.

Beliau berkata satu sekretariat tetap akan dibentuk bagi meneliti, menilai dan mengadakan perbincangan susulan dengan setiap wakil yang terlibat dalam perbincangan itu.

Sementara itu, Tengku Adnan berkata Barisan Nasional Wilayah Persekutuan akan mengadakan konvensyennya pada Julai ini dan ia dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

HM AHH MOZ